**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 12**
**RUANGAN : PILIHANRAYA KECIL**

# Saya tetap perjuangkan hospital: Aiman

Saya akan tetap membawa suara rakyat Semenyih sehingga hasrat mereka tercapai dan saya berharap suara mereka akan didengari oleh pihak atasan"

*Muhammad Aiman Zainali, Calon PH*

(FOTO ASYRAF HAMZAH /BH)



*Muhammad Aiman membuat tinjauan mesra di Pasar Rabu Beranang, semalam.*

**Hulu Langat:** Calon Pakatan Harapan (PH), Muhammad Aiman Zainali akan terus memperjuangkan keperluan untuk membina hospital di Semenyih walaupun ia dianggap tidak munasabah oleh Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Calon berusia 30 tahun itu berkata, keperluan hospital sudah lama diimpikan penduduk kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) berkenaan yang selama ini terpaksa berulang-alik ke Hospital Kajang.

**Bawa suara rakyat**

"Saya akan tetap membawa suara rakyat Semenyih sehingga hasrat mereka tercapai dan saya berharap suara mereka akan didengari oleh pihak atasan.

"Selain hospital, saya juga berharap kerajaan dapat menaik taraf klinik kesihatan di Semenyih supaya dapat menampung keperluan penduduk di sini.

"Kedua-dua keperluan ini amat dinantikan penduduk dalam DUN Semenyih," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas mengadakan tinjauan mesra di Pasar Beranang di sini, semalam.

Muhammad Aiman sebelum ini berkata, pembinaan hospital di Semenyih antara perancangannya yang akan diperjuangkan jika dipilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan itu.

Bagaimanapun, Dr Dzulkefly menyifatkan rancangan untuk membina hospital di Semenyih sebagai tidak munasabah.

Beliau dilaporkan berkata, pembinaan klinik kesihatan dilihat lebih wajar untuk kawasan seperti Semenyih.

**AKHBAR : HARIAN METRO**
**MUKA SURAT : 24**
**RUANGAN : SETEMPAT**

# Pertahan perjuangan bina hospital baharu

**Hulu Langat:** Calon Pakatan Harapan (PH), Muhammad Aiman Zainali tetap mempertahankan perjuangannya mengenai keperluan pembinaan hospital di Semenyih walaupun Kementerian Kesihatan belum melihat keperluannya.

Menurut Aiman, beliau hanya menyuarakan keperluan yang begitu mendesak oleh penduduk di sekitar Semenyih yang lama mengharapkan pembinaan sebuah hospital di kawasan mereka.

Katanya, lebih 54,000 pengundi berdaftar di Semenyih tidak sanggup lagi berdepan dengan kesesakan yang berlaku di Hospital Kajang yang terletak kira-kira 10 kilometer dari pekan Semenyih.

"Isu yang saya bawakan ini adalah soal suara rakyat Semenyih yang inginkan sebuah hospital dibina di kawasan ini.

"Jadi, saya akan tetap bawa suara rakyat hingga didengari dan berharap ia dapat dipertimbangkan pihak atasan.

"Selain hospital, saya juga berharap kerajaan dapat menaik taraf klinik kesihatan di sini, kerana kedua-dua keperluan itu sangat dinantikan penduduk," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan tinjauan mesra di Pasar Beranang di sini, semalam.

Sebelum ini, calon muda PH itu dilaporkan berkata, pembinaan hospital di Semenyih antara perancangan yang diperjuangkan beliau jika diberikan mandat sebagai wakil rakyat baharu kawasan berkenaan.

Bagaimanapun, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dalam reaksi balasnya berkata, kementerian belum melihat sebarang keperluan bagi pembinaan hospital di Semenyih, malah tiada sebarang perbincangan mengenai.

Dr Dzulkefly dipetik sebagai berkata, sesiapa pun boleh buat janji tetapi kerajaan mengharapkan janji-janji itu lebih munasabah kerana pembinaan hospital bukannya macam pembinaan mana-mana premis.

"Dia (Muhammad Aiman) boleh mengesyorkan tapi pada akhirnya kementerian yang akan memastikan dari segi keperluan, syarat-syarat kepadatan penduduk dan sebagainya. Tetapi kita boleh dengar pandangannya," katanya.



DR Dzulkefly




MUHAMMAD Aiman

**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT : 16**
**RUANGAN : NASIONAL**

# KKM jamin pantau kesihatan penduduk

**PUTRAJAYA** - Kementerian Kesihatan sentiasa memantau tahap kesihatan penduduk di sekitar kawasan pelombongan bauksit di Kuantan, Pahang, berdasarkan laporan kesihatan diperolehi dari fasiliti kesihatan kawasan itu, kata Menterinya Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

"Kita memantau melalui statistik kes seperti jangkitan respiratori di klinik-klinik, sebagai contoh adakah terdapat peningkatan ketara untuk masalah tersebut, selain pihak berkuasa akan memantau kualiti air dan buah-buahan segar untuk (kewujudan) logam berat.

"Kita mahu pastikan rakyat tidak menderita akibat aktiviti perlombongan bauksit. Isu kesihatan melibatkan perlombongan bauksit turut disentuh dalam mesyuarat Kabinet hari ini (semalam)," katanya pada sidang media di kementeriannya di sini, semalam. - *Bernama*

**AKHBAR : NEW STRAITS TIMES**
**MUKA SURAT : 2**
**RUANGAN : NEW/SONG OF THE DAY**

# Ministry to monitor respiratory tract infection data

**PUTRAJAYA:** The Health Ministry will monitor the bauxite mining issue in Pahang by keeping tabs on health-related cases when the moratorium on the mining of the mineral is lifted in April.

Its minister, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, said the matter was raised in the cabinet yesterday, but declined to elaborate.



*Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad*

"The matter was discussed as we do not work in silos. We exchange views with (the relevant) ministries, including those taking care of the environment and (from us) on health matters.

"We will keep track of the statistics on health issues such as respiratory tract infection cases recorded at clinics. We will monitor whether there is a spike in such cases.

"We will monitor the water and fresh fruits (for instance) for traces of heavy metal elements. What is important is that the rakyat must not suffer as a result of the bauxite mining activities."

The *New Straits Times* yesterday highlighted the views of various quarters, including environmental groups and former natural resources and environment minister Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

Wan Junaidi imposed the moratorium three years ago due to serious environmental effects resulting from the mining activities and run-offs from unsecured stockpiles that contaminated water sources, turning roads, rivers and coastal waters red and impacting communities, including fishermen.

**AKHBAR : THE SUN**
**MUKA SURAT : 3**
**RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS**

# Health Ministry to monitor Pahang's bauxite situation

BY **AMAR SHAH MOHSEN**
*newsdesk@thesundaily.com*

**PUTRAJAYA:** The Health Ministry will monitor the public health aspect in Pahang following the Government's decision not to extend the moratorium on the mining and export of bauxite which will end on March 31.

Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the ministry has been tasked to maintain the human and environmental health in the areas where bauxite activities would be carried out.

He confirmed the matter was raised in the Cabinet meeting yesterday.

"Yes it was discussed. We shared our views with other ministries," he told a press conference yesterday.

"We will monitor the air and water quality there. Also, we would study the statistics of certain health cases that may be related to bauxite. For instance, if there is a spike in respiratory tract infection in clinics there, we will check on it. What's important is that we want to make sure the rakyat don't suffer as a result of these activities."

Dzulkefly was asked to comment on concerns raised by several quarters on the danger the bauxite activity would pose after Water, Land and Natural Resources Minister Dr Xavier Jayakumar announced that the moratorium ending next month would not be extended.

Xavier had said that following this, all activities on the mining and export of the mineral can resume but there must be a new standard operating procedure.